

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	21 JAN 2015

FORUM EKONOMI DUNIA 2015

PM promosi kekuatan ASEAN, Malaysia pada sidang di Davos

» Rantau mampu jadi kuasa besar ekonomi Asia

Ahmad Zaini Kamaruzzaman
madzaini@bh.com.my

► Davos, Switzerland



Datuk Seri Najib Razak akan menyampaikan kepada dunia mengenai kekuatan ASEAN dalam sektor ekonomi dan perdagangan pada Forum Ekonomi Dunia (WEF) 2015 yang bermula di sini, esok.

Perdana Menteri juga akan menjual Malaysia kepada pelbagai sektor ekonomi dan perda-

ngan dalam penyertaan kedua beliau di WEF yang kini memasuki edisi ke-45.

Sebagai Pengerusi ASEAN tahun ini, Najib akan mempromosi Malaysia Nadi di Asia Tenggara serta ASEAN adalah pintu masuk kepada Asia.

Ia selaras dengan kedudukan geografi Malaysia sebagai jantung di Asia Tenggara yang bakal menjadi kuasa besar dalam ekonomi Asia dan dunia.

Duta Besar Malaysia ke Switzerland, Datuk Mohd Zulkepli Mohd Noor dalam taklimat kepada wakil media Malaysia di sini semalam, berkata: "Perdana Menteri akan memainkan kad ASEAN yang akan menjadi kuasa besar ekonomi di Asia, termasuk sebagai wilayah ketujuh perdagangan terbesar dunia.

"Beliau berpeluang untuk berbincang dengan pemimpin komuniti perniagaan dan ekonomi dalam forum."

BH-21/1/2015
Buka ruang tingkat peluang pelaburan

Beliau berkata, kehadiran Najib dalam WEF yang bertemakan 'Konteks Baharu Global', juga membuka ruang kepada negara untuk meningkatkan promosi peluang pelaburan dan perdagangan pada Malam Malaysia di akhir forum pada Jumaat ini.

Katanya, acara itu diharap dapat meletakkan Malaysia di landasan yang betul bagi menarik pelaburan.

Delegasi Malaysia turut disertai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Wahid Omar.

Yang turut serta, ketua eksekutif utama syarikat Malaysia, termasuk Pengerusi CIMB Group Holdings, Datuk Seri Nazir Razak dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia, Tan Sri Tony Fernandes.

Isteri Najib, Datin Seri Rosmah Mansor akan turut hadir dalam acara Malam Malaysia di Hotel Panorama, iaitu Pusat Perdagangan Malaysia pada WEF kali ini.

Mohd Zulkepli juga berkata, Perdana Menteri akan mengambil kesempatan bertemu rakan sejawat dan pemimpin syarikat utama dunia untuk mempertingkatkan jalinan kerjasama sektor awam dengan ekonomi bagi mencari penyelesaian kepada cabaran ekonomi semasa yang dihadapi di peringkat serantau dan global.

Katanya, Najib juga dijangka menemui Perdana Menteri Kazakhstan, Karim Massimov; Perdana Menteri Turki, Ahmet Davutoglu; Perdana Menteri Belanda, Mark Rutte serta Setiausaha Negara Amerika Syarikat, John Kerry.

Perdana Menteri akan turut menyampaikan ucapan di Majlis Perniagaan ASEAN yang akan membincangkan bagaimana Ko-

“
Perdana Menteri akan memainkan kad ASEAN yang akan menjadi kuasa besar ekonomi di Asia, termasuk sebagai wilayah ketujuh perdagangan terbesar dunia. Beliau berpeluang untuk berbincang dengan pemimpin komuniti perniagaan dan ekonomi dalam forum”

Mohd Zulkepli Mohd Noor,
Duta Besar Malaysia ke Switzerland

muniti Ekonomi ASEAN dapat mencari penyelesaian mapan dan pertumbuhan seimbang wilayah itu di peringkat global.

Selain itu, Najib akan menyertai Perhimpunan Informal Pemimpin Ekonomi Dunia (IGWEL) yang mengumpulkan pemimpin kerajaan, perniagaan, bank pusat, komuniti awam dan pusat penyelidikan.